



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **3 Dec2021 (Friday)**

Berita Harian

Terkejut air sungai bertukar biru	1
Selangor lanjut Skim Air Darul Ehsan	2
Selangor setuju Jajaran Utama ECRL	3

Utusan Malaysia

Penduduk mohon campur tangan Sultan Selangor	4
ECRL:Selangor terima cadangan	5

Harian Metro

Sungai Aur bertukar biru	6
--------------------------	---

Kosmo

Skim pemberian air percuma Selangor dilanjut dua tahun lagi	7
---	---

Sinar Harian

Semua pasar punya harga kartel sayur sendiri	8
Jumlah kerusi DUN Selangor mungkin ditambah	9
TAI pemangkin industri aeroangkasa	10
Pendaftaran Skim SADE dilanjutkan dua tahun mulai Januari 2022	11
Bekas peluncur papan selaju kebangsaan ingin bina akademi	12

HOT FM

Sade Dilanjutkan Bagi Tempoh Dua Tahun Lagi	13
---	----

Sinar FM

Melanjutkan Skim Air Percuma	14
------------------------------	----

The Star

Taliworks wins RM294mil water contract	15
Trapped under landslide rubble	16
'State constituencies may be increased to reflect rise in number of Selangor voters'	17
Very few opt for e-billing	18
S'gor recognises five partners in efforts to rehabilitate Sungai Klang	19
Selangor nod for ECRL alignment	20

The Sun

Selangor may increase number of assembly seats	21
TALIWORKS GETS RM293M WATERWORKS DEAL	22

The Edge CEO Morning Brief

Taliworks bags RM294m job from Air Selangor	23
---	----

The Malaysian Reserve

RUN AT FULL STEAM	24
Selangor approves ECRL alignment	25

Traxx FM (90.3)

ECRL Project: Selangor Gives Greenlight to Northern Alignment	26
---	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



China Press

Allocate RM39.75 million to flood prevention and carry out emergency projects in 50 areas.	27
The solid waste public cleaning service is only moderate; the living environment in Klang is uncomfortable.	28
48 rivers are the source of drinking water	29

Sin Chew Daily

Sg Aur become blue colour; Resident worry river polluted	30
RDS help 7253 small merchants to digitalize	31

Nanyang Siang Pau

Teng Chang Khim: Selangor's total investment in manufacturing is RM18.4 billion, not RM12 billion as mentioned by Rizam	32
Wee Ka Siong: After 37 consultations with the Selangor government, the ECRL's Section C route is now accepted	33
Sekinchan's rice production falls by half, leaving farmers in debt	34
Berjaya Land and MBI joint venture to repair and develop Klang River	35

Guang Ming Daily

Sungai Aur suddenly turns blue indigo in colour, contamination suspected, but officials found nothing unusual after investigating at the scene	36
The Selangor Government will provide free Sinovac booster shots according to the needs of the constituency.	37



KERATAN AKHBAR
3 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Terkejut air sungai bertukar biru
Muka Surat	:	16

Terkejut air sungai bertukar biru

Penduduk bimbang perubahan warna Sungai Aur beri kesan jangka panjang

Oleh Ruwaida Md Zain
 bhnews@bh.com.my

Klang: Penghuni Pangsapuri Taman Permai Indah, Pandamaran, di sini dikejutkan dengan air di Sungai Aur bersebelahan kediaman mereka bertukar biru sejak pagi semalam.

Penduduk pangsapuri berkenaan, C R Moganadash, 44, ketika ditemui berkata, isterinya mendakwa melihat air sungai bertukar warna kepada biru sedikit demi sedikit sejak jam 9 pagi.

"Rumah kami di tingkat lapan, isteri saya ternampak air sungai itu bertukar kepada biru ketika menjemur baju, memang nampak jelas air sungai warna biru dari atas.

"Warna biru itu sedikit demi sedikit mengalir sebelum memenuhi sungai dan dalam jam 12 tengah hari, seluruh sungai sudah biru dan warna semakin gelap.

"Penduduk di sini terkejut dengan perubahan warna air ini. Ini kali pertama berlaku sejak saya tinggal di sini 18 tahun lalu," katanya.

Beliau bimbang pencemaran air itu memberi kesan jangka panjang terhadap penduduk dan sudah memaklumkan perkara itu kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pandamaran.

"Saya bimbang kesan pencemaran ini kerana kita tidak tahu bahan apa yang memasuki sungai.

"Kami berharap pihak berkenaan dapat bersama-sama me-



Keadaan air Sungai Aur yang biru dilihat dari tingkat 12 Pangsapuri Taman Permai Indah, Pandamaran, semalam.

(Foto Ruwaida Md Zain /BH)



Kami penduduk sini amat terkejut dengan perubahan warna air. Ini kali pertama berlaku sejak saya tinggal di sini 18 tahun lalu

CR Moganadash, Penduduk

nyelesaikan pencemaran ini kerana bimbang kesan kepada penduduk," katanya.

Ada penduduk mendakwa sungai melimpah sekiranya hu-

jan lebat tanpa henti.

"Tinjauan di lokasi berhampiran Pintu Air Pandamaran itu petang semalam mendapati warna air sungai berkenaan biru dan kotor, namun tidak mengeluarkan bau.

Wartawan turut meninjau keadaan Sungai Aur dari tingkat 12 Blok B taman perumahan berkenaan dan mendapati air bertukar biru hingga ke pintu air berkenaan.

Keadaan air biru di Sungai Aur berkenaan dalam keadaan

'air termenung' dan tidak mengalir.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Azlah Jaafar, ketika dihubungi memaklumkan pihaknya ada menerima aduan mengenai kejadian air biru di sungai berkenaan.

"JAS sudah mengambil sampel dan menjalankan penjejakan punca sejak pagi tadi (semalam). Perkembangan terkini akan dimaklumkan kelak," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor lanjut Skim Air Darul Ehsan
Muka Surat	:	21

Sidang Dewan Undangan Negeri Selangor

Selangor lanjut Skim Air Darul Ehsan

Shah Alam: Kerajaan Selangor membuat keputusan untuk melanjutkan Skim Air Darul Ehsan (SADE) bagi tempoh dua tahun lagi, bermula Januari depan.

SADE yang berkuat kuasa pada 1 Mac 2020 adalah penjenamaan semula Program Pemberian Air Percuma, yang dilaksanakan kerajaan Selangor sejak 1 Jun 2008.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemoendan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Izham Hashim, berkata pendaftaran bagi program berkenaan juga dibuka sepanjang tahun.

Katanya, sejumlah 2,544,196 juta akaun domestik Air Selangor direkodkan sehingga 31 Oktober lalu dan sejumlah 1,238,314 akaun mendaftar e-bil.

"Dalam tempoh yang sama, jumlah penerima SADE adalah sebanyak 287,181 daripada jumlah yang disasarkan oleh kerajaan negeri iaitu 620,000 iaitu bersamaan 46 peratus.

Sejumlah 2,544,196 juta akaun domestik Air Selangor direkodkan sehingga 31 Oktober lalu

dan sejumlah 1,238,314 akaun mendaftar e-bil



Izham Hashim,
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Infrastruktur dan Kemudahan
Awam, Pemoendan Pertanian
dan Industri Asas Tani Selangor

"Penerima SADE yang sudah mendaftar e-bil adalah sebanyak 124,864 akaun daripada keseluruhan 287,181 akaun," katanya pada Sidang Dewan Negeri Selangor, semalam.

Izham berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Lee Kee Hiong (PH-Kuala Kubu Bharu) berkenaan pelanggan domestik Air Selangor.

Mengulas lanjut, Izham berkata, berikutan jumlah penyertaan rakyat dalam SADE yang agak rendah, program menggalakkan rakyat berdaftar akan dilak-

sanakan sepanjang tahun.

"Promosi secara berkala akan dilaksanakan, termasuk membabitkan pejabat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) serta turut diperluaskan ke media sosial bagi meningkatkan penyertaan rakyat dalam skim ini," katanya.

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) www.ssipr.selangor.gov.my atau mengisi Borang Permohonan Program IPR Skim Air Darul Ehsan.



KERATAN AKHBAR
3 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor setuju Jajaran Utama ECRL
Muka Surat	:	38

Selangor setuju Jajaran Utara ECRL

MMKN segerakan pewartaan pengambilan tanah bolehkan kerja awalan dijalankan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
 mahanum_aziz@bh.com.my

Kerajaan Selangor bersetuju dan memberi jaminan tiada lagi halangan bagi pelaksanaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) untuk merentasi bahagian utara negeri itu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata setelah memperhalusi laporan kesemua 37 sesi libat urus projek ECRL bersama-sama dengan jabatan dan agensi kerajaan Selangor, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bermesyuarat pada 17 November dan sekali lagi pada 24 November lalu, bersetuju untuk menerima cadangan Jajaran Utara ECRL dan seterusnya meluluskan Jajaran Seksyen C ECRL yang membabitkan Seksyen C1 dari Mentakab ke Gombak dan Seksyen C2 yang merangkumi Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang.

Beliau berkata, kelulusan ECRL Jajaran Utara itu adalah Jajaran Asal ECRL yang ditambah baik adalah berdasarkan pema-kluman Kementerian Kewangan

(MOT) dan Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) sebagai penyelia dan pemilik projek ECRL kepada kerajaan Selangor bahawa ECRL tidak akan menjejaskan kawasan berisiko seperti Permatang Kuarza Gombak yang kini dalam proses pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Justeru, katanya MMKN juga bersetuju untuk menyegerakan pewartaan pengambilan tanah di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 bagi membolehkan kerja awalan Projek ECRL seperti pengukuran dan penyiasatan tanah dijalankan.

"MMKN bersetuju agar permohonan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) dan Pengisytiharan di bawah Seksyen 4, APT 1960, bagi daerah Gombak, Hulu Selangor, Kuala Selangor, dan Klang dijalankan selaras dengan Jajaran Utara ECRL di Selangor," katanya pada majlis penyerahan dokumen Seksyen C (Jajaran Utara) ECRL, semalam.

Amirudin berkata, kerajaan Selangor juga optimis reka bentuk terperinci ECRL dan penyediaan pelan pengambilan tanah di bawah Seksyen 8, APT 1960 dapat dijalankan awal tahun 2022 dan seterusnya membolehkan permulaan kerja fizikal bagi menyempurnakan Jajaran Utara ECRL.

Beliau berkata, kerajaan Selangor turut menyokong pembinaan lima stesen ECRL di Selangor,

dengan tiga stesen iaitu ITT Gombak, Serendah Baru, Jalan Kastam dilaksanakan pada peringkat awal, manakala dua stesen ECRL iaitu Puncak Alam dan Kapar ditetapkan sebagai stesen perancangan masa hadapan dan bakal dibina mengikut keperluan.

"Perlu saya tegaskan di sini keputusan kerajaan Selangor ini adalah dibuat setelah mengambil kira hasil perbincangan dan permuafakatan dengan pihak berkepentingan yang terbabit dengan Projek ECRL seperti MOT dan MRL, pihak berkuasa tempatan, serta agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Selangor membuat keputusan yang bermatlamat untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan kelestarian pembangunan ekonomi bukan saja khusus untuk Selangor malah Malaysia amnya.

"Kerajaan Selangor juga berterima kasih kepada pihak MOT dalam mengadakan lebih 37 sesi libat urus yang membabitkan 17 jabatan dan agensi kerajaan Selangor serta 12 jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dalam proses memuktamadkan jajaran ECRL bagi Seksyen C setelah kelulusan dari Jemaah Menteri.

Amirudin berkata, kerajaan Selangor kekal positif dan peka terhadap inisiatif Kerajaan Persekutuan memilih Jajaran Utara, yang antaranya dapat merencanakan kawasan Serendah sebagai lokasi penting hab pemindahan/pertukaran kargo baharu di Selangor.



Amirudin Shari



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
3 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penduduk mohon campur tangan Sultan Selangor
Muka Surat	:	12

Penduduk mohon campur tangan Sultan Selangor

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
 athir.ismail@mediamula.com.my

KUALA LANGAT: Badan Bertindak Isu Pencemaran Plumbum Kampung Jenjarom berhasrat menyerahkan memorandum kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berhubung isu pembukaan semula sebuah kilang bateri di kampung berkenaan baru-baru ini.

Penduduk kampung juga akan dimaklumkan kepada baginda menerusi penyerahan memorandum yang dijangka pada bulan ini.

Menurut pengerusi badan bertindak itu, Mohd. Nazri Afrizal, memorandum berkenaan akan diserahkan kepada Sultan Selangor selepas pihaknya tidak menerima maklum balas daripada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari selepas penyerahan memorandum kepada beliau pada 23 November lalu.

“Sehingga hari ini masih menunggu jawapan daripada Kerajaan Negeri berhubung memorandum tersebut. Kita mahu pembukaan semula kilang itu dibatalkan, tetapi belum dapat sebarang maklum balas.

“Isu ini sudah berlarutan sejak kilang berkenaan mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kembali beroperasi, sedangkan kilang itu pernah berdepan tindakan tutup pada 2019 selepas menyebabkan pencemaran plumbum,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Akhbar ini pernah melaporkan lebih 9,000 penduduk kampung berkenaan membantah pembukaan semula kilang bateri terabit yang didakwa beroperasi dalam kawasan digazetkan seba-



PENDUDUK Kampung Jenjarom pernah membuat bantahan secara aman menentang pembukaan semula kilang bateri di Jalan Sukepi di Kuala Langat Selangor pada 24 September lalu.

“Sehingga hari ini masih menunggu jawapan daripada Kerajaan Negeri berhubung memorandum tersebut.”

MOHD. NAZRI AFRIZAL

gai industri sederhana.

Bagaimanapun, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), Amirul Azizan Abd. Rahim pernah menjelaskan pembukaan kilang berkenaan tidak melibatkan operasi industri berat sebaiknya melibatkan aktiviti pemasangan bateri sahaja.

Susulan itu perhimpunan secara aman diadakan di hadapan Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) di Shah Alam Selangor bagi menghantar memorandum bantahan pembukaan semula kilang kepada Menteri Besar.

Dalam pada itu, Mohd. Nazri berharap jawapan segera daripada Amirudin berhubung keputusan itu dan meminta kerajaan negeri menunjukkan laporan kajian daripada enam agensi yang terlibat.

“Kami menuntut laporan kajian daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Kesihatan (KKM), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS),” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 December 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	ECRL:Selangor terima cadangan
Muka Surat	:	35

ECRL: Selangor terima cadangan

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**
 kusyafiq.fozi@mediamajlis.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan negeri Selangor secara rasminya menerima cadangan Jajaran Utara Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) serta meluluskan Jajaran Seksyen C projek itu.

Kelulusan itu melibatkan laluan Seksyen C1 dari Mentakab ke Gombak dan Seksyen C2 yang merangkumi Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya berharap pembinaan projek tersebut akan mengambil kira impak alam sekitar seperti kawasan tadahan air berdekatan Empangan Batu dan impak sosial lain, terutamanya melibatkan penempatan kampung tradisi dan Orang Asli.

Kata beliau, kelulusan yang diberikan juga adalah berdasarkan pemakluman Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRLSB) bahawa ECRL tidak akan menjejaskan kawasan berisiko seperti Per-



KETUA Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn. Bhd., Datuk Seri Darwis Abdul Razak (dua dari kanan) menyerahkan dokumen Penyerahan Dokumen Jajaran Seksyen C kepada Pengarah Urusan CCCC ECRL, Kong Qi (sambi disaksikan oleh Wee Ka Siong (kiri) dan Amirudin Shari di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

matang Kuarza Gombak yang kini dalam proses pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) juga telah bersetuju

untuk menyetujui pengambil tanah di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 bagi membolehkan kerja-kerja awal ECRL seperti pengukuran dan penyiataan tanah dijalankan.

"MMKN bersetuju agar permohonan pengambilan tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) dan pengisytiharan di bawah Seksyen 4 APT bagi daerah Gombak, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Klang dijalankan selaras dengan

Jajaran Utara ECRL di Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya untuk Majlis Penyerahan Dokumen Seksyen C (Jajaran Utara) ECRL yang diadakan di Hotel Mandarin Oriental, di sini semalam.

Turut hadir ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong; Duta China, Yu Jun serta kepimpinan tertinggi China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) yang menyertainya secara maya.

Menurut Amirudin, pihaknya bersama Kementerian Pengangkutan, MMKN serta agensi dan jabatan kerajaan Selangor telah mengadakan 37 sesi libat urus berkenaan projek tersebut.

Sementara itu, Ka Siong berkata, keputusan kerajaan Selangor itu akan merealisasikan pembinaan 665 kilometer jajaran ECRL yang merangkumi 59 terowong dengan panjang keseluruhan 61 kilometer serta beberapa jambatan dengan panjang keseluruhan sebanyak 127 kilometer.



KERATAN AKHBAR
3 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sungai Aur bertukar biru
Muka Surat	:	23

Sungai Aur bertukar biru

Penduduk Pandamaran terkejut kali berubah

Oleh Ruwaida Md Zain
 am@metro.com.my

Klang

Penghuni Pangsapuri Taman Permai Indah, Pandamaran, di sini terkejut apabila air Sungai Aur terletak bersebelahan kediaman mereka, bertukar warna biru sejak pagi semalam.

Penduduk pangsapuri itu, CR Moganadash, 44, berkata, isterinya memberitahu melihat air sungai itu bertukar warna kepada biru sedikit demi sedikit sejak 9 pagi.

"Rumah kami tingkat lapan dan isteri saya ternampak air sungai itu bertukar kepada biru ketika menyidai baju. Memang nampak jelas air sungai berwarna biru dari atas.

"Warna biru itu sedikit demi sedikit mengalir sebelum memenuhi sungai

berkenaan. Pada 12 tengah hari, seluruh sungai sudah biru dan warna semakin gelap. Penduduk amat terkejut dengan perubahan warna air ini. Ini kali pertama berlaku sejak saya tinggal di sini 18 tahun lalu," katanya.

Menurutnya, dia amat bimbang pencemaran air itu memberi kesan jangka panjang penduduk dan sudah memberitahu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pandamaran berhubung perkara itu.

"Saya bimbang kesan pencemaran ini kerana kami tidak tahu bahan apa sudah memasuki sungai ini. Kami berharap semua pihak berwajib dapat menyelesaikan pencemaran ini kerana bimbang kesannya kepada penduduk," katanya.

Ada penduduk mendakwa pernah berlaku limpahan air sungai berkenaan

sekiranya hujan lebat tanpa henti.

Tinjauan wartawan di lokasi berhampiran Pintu Air Pandamaran itu pada 2 petang mendapati warna air sungai itu biru dan kotor, namun tidak mengeluarkan bau.

Wartawan turut meninjau keadaan Sungai Aur dari tingkat 12 Blok B taman perumahan itu dan mendapati warna air bertukar biru hingga ke pintu air berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Jas) Selangor, Nor Aziah Jaafar ketika dihubungi memaklumkan ada menerima aduan mengenai kejadian air biru itu.

"Kami sudah mengambil sampel dan menjalankan penjejakan punca sejak pagi tadi (semalam).

"Perkembangan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya.



AIR Sungai Aur bertukar warna biru sejak pagi semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 December 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Skim pemberian air percuma Selangor dilanjut dua tahun lagi
Muka Surat	:	16

Skim pemberian air percuma Selangor dilanjut dua tahun lagi

Sidang DUN SELANGOR



SHAH ALAM – Program pemberian air percuma dikenali Skim Air Darul Ehsan (SADE) akan dilanjutkan selama dua tahun bermula awal Januari ini. Perkara itu diputuskan kerajaan

Selangor yang melaksanakan skim khas berkenaan berkuat kuasa 1 Mac tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Ir. Izham Hashim berkata, sebanyak 2.54 juta akaun domestik Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) direkodkan sehingga 31 Oktober lalu.

"Dalam tempoh itu, jumlah

penerima SADE adalah seramai 287,181 orang iaitu 46 peratus daripada 620,000 yang di-sasarkan oleh kerajaan negeri.

"Penerima itu turut merangkumi 124,864 pemilik akaun yang sudah mendaftar e-bil," katanya pada Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke-14 di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Lee Kee Hiong (**PH-Kuala Kubu Bharu**) mengenai statistik terbaharu

pelanggan domestik Air Selangor.

Jelas Izham, pendaftaran bagi program SADE berkenaan turut dibuka sepanjang tahun.

"Langkah itu berikutan jumlah penyertaan rakyat yang mendaftar bagi program berkenaan masih agak rendah.

"Promosi secara berkala akan dilaksanakan termasuk melibatkan pejabat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN)," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya tu-

rut bercadang memperluaskan promosi di semua media sosial bagi meningkatkan penyertaan rakyat dalam skim air percuma tersebut.

Dalam pada itu katanya, orang ramai boleh membuat permohonan secara dalam talian menerusi laman Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) iaitu www.ssipr.selangor.gov.my atau mengisi Borang Permohonan Program IPR SADE.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Semua pasar punya harga kartel sayur sendiri
Muka Surat	:	3

Semua pasar punya harga kartel sayur sendiri

SHAH ALAM - Semua pasar di seluruh negara mempunyai harga kartel sendiri yang telah ditetapkan mengikut kawasan tersebut.

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid berkata, harga sayur tidak sewenang-wenangnya boleh ditetapkan oleh mana-mana peniaga sayur.

“Seperti di Pasar Selayang, mereka ada kartel sendiri, ada cara kawalan harga sendiri, semua orang kena jual harga yang ditetapkan.

“Jadi peniaga kena patuh, kalau ada peniaga yang menjual di bawah daripada harga yang ditetapkan, esok berkemungkinan peniaga berkenaan tidak boleh berniaga di situ.

“Nanti peniaga lain di sana akan boikot atau mereka akan cari jalan untuk peniaga itu keluar,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Dalam pada itu, beliau berkata, inisiatif yang dilaksanakan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) amat wajar diaplikasikan di peringkat kerajaan Persekutuan.

PKPS sebelum ini memberi jaminan harga jualan produk sayurannya kekal pada harga rendah dan berpatutan meskipun berlaku kenaikan mendadak harga produk itu di pasaran.

Perbadanan itu mempunyai mekanisme kawalan harga sendiri memandangkan ladangnya di Selangor Fruit Valley, Bestari Jaya mengeluarkan hasil sayuran sendiri.

“Perkara ini boleh dilakukan menerusi kawalan harga asas oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan mengawal harga di ladang yang mereka ambil, harga di (Pasar) Selayang serta harga di pasar raya dan pasar borong,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Jumlah kerusi DUN Selangor mungkin ditambah
Muka Surat	:	6

Jumlah kerusi DUN Selangor mungkin ditambah

SHAH ALAM - Kerajaan negeri tidak menolak kemungkinan jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor ditambah susulan peningkatan jumlah pengundi berumur 18 hingga 20 tahun mengikut Perkara 47 dan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2019.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han berkata, peningkatan penduduk itu juga disebabkan migrasi dari negeri lain ke negeri ini untuk mencari peluang pekerjaan.

Menurutnya, kali terakhir bilangan kerusi DUN ditambah adalah pada tahun 2003 sewaktu proses per-

sempadanan semula dijalankan sebelum Pilihan Raya Umum ke-11 (PRU11).

“Sebanyak lapan kerusi ditambah iaitu daripada 48 kerusi kepada 56 kawasan di seluruh negeri Selangor.

“Umum juga mengetahui proses persempadanan semula telah berlangsung di seluruh negara pada 2018 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 28 Mac tahun sama,” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tunku, Lim Li Wei mengenai cadangan persempadanan semula Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di Selangor.



KERATAN AKHBAR
3 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	TAI pemangkin industri aeroangkasa
Muka Surat	:	17

TAI pemangkin industri aeroangkasa



ILMU
 KEJURUTERAAN
 DARIPADA
 AL-QURAN
 DR MUHIDIN ARIFIN

Pertemuan dengan wakil Turkish Aerospace Industries Incorporation (TAI), Abdullah Ucak di Putrajaya seminggu lalu sangat ringkas tapi penuh bermakna. Ucak menjelaskan Turkish Aerospace memilih Malaysia sebagai pangkalan baharu di rantau Asia Tenggara antara faktornya ialah selepas membaca artikel bertajuk 'Malaysia Perlu Contohi Turki' terbitan *Sinar Harian* pada 3 September lalu.

Paling menarik, Ketua Pegawai Eksekutif TAI, Profesor Dr Temel Kotil pula menjelaskan pemilihan Malaysia disebabkan TAI sudah lama menjalinkan persahabatan dengan beberapa jabatan penting di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) khususnya MIMOS Berhad.

Dalam perbualan penulis dengan seorang Pengarah Kanan Mimos, terselit cerita tentang penglibatan Turki di rantau Asia Tenggara sejak zaman Kesultanan Melaka pada era 1500-an. Selain Melaka,

Turki pada zaman Empayar Usmaniah turut menghantar bala tentera membantu Sultan Aceh memerangi Belanda.

Namun, dalam konteks kerjasama di antara TAI dan Selangor Technical Skills Development Centre Shah Alam (STDC), penulis percaya ia umpama 'orang mengantuk disorongkan bantal'. Keputusan TAI meyakinkan penulis bahawa industri aeroangkasa di Selangor dan Malaysia mampu diangkat ke tahap memberangsangkan.

Sebenarnya bidang kejuruteraan seperti aeronautik, perkakasan komputer, elektronik dan mekanikal ialah platform kepada anak muda yang cemerlang dalam subjek asas fizik, kimia dan matematik. Jurutera aeroangkasa kebiasaannya menjadi pakar satu atau lebih bidang berkaitan aerodinamik, termodinamik, metalturgi, mekanik cakerawala, mekanik penerbangan, pendorongan, akustik, sistem bimbingan dan sistem kawalan mantap.

Sementara itu, sub bidang kemahiran profesional pula berkaitan aeroelastik, getaran, reka bentuk struktur dan badan, dinamik struktur, analisis operasi, pengurusan projek, kejuruteraan angkasa lepas, enjin jet, enjin roket, simulator penerbangan, kemudahan tanah, avionik, sistem keselamatan dan pertahanan, model dan reka bentuk sistem kawalan, alat

pembangunan aplikasi perisian, ujian penerbangan dan ujian makmal.

Justeru, penulis tabik kepada kejayaan MITI dan kerajaan Selangor dalam meyakinkan TAI untuk membuka pejabat baharu kejuruteraan dan reka bentuk di Putrajaya Futurise. Majlis pembukaan pejabat baharu TAI disaksikan Menteri Kanan MITI, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Kepentingan jalinan kerjasama dua negara disebut dalam Surah Al-Anfal ayat [8:60-61] bermaksud, *'Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka (dengan) kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dan daripada kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh ALLAH, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang ALLAH mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan ALLAH nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan diantaya (dirugikan); Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakallah kepada ALLAH. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.'*

Penulis percaya kerjasama ini membolehkan gabungan kepakaran bagi membangunkan aliran kerja berteknologi

tinggi dan profesional demi industri aeroangkasa Turki serta Malaysia. Justifikasinya ialah Turki telah membangunkan sektor pertahanan aeroangkasa paling pesat di dunia. TAI juga telah mencapai banyak kejayaan teknologi pertama dalam bidang ini untuk dunia Islam.

Bagi memastikan kerjasama TAI-Malaysia-Selangor berjaya menepati sasarannya, anak muda di negara ini perlu segera memanfaatkan keputusan Kotil. Dalam dunia aeroangkasa, nama beliau cukup besar kerana pernah mengetuai Jabatan Penyelidikan, Perancangan dan Penyelaras di Advance Innovative Technologies Inc di New York. Ketika ini, beliau ialah Presiden Persatuan Syarikat Penerbangan Eropah (AEA) sejak 2014. Pengalamannya dalam bidang kejuruteraan aeronautik, memastikan Turki muncul pembangun dan pengamal teknologi serta inovasi ketenteraan terancang di dunia.

Kesimpulannya, keputusan terbaru TAI memilih Malaysia sebagai pangkalan baharu di rantau Asia Tenggara boleh dianggap pemangkin kepada sektor industri aeroangkasa di negara ini.

* Profesor Ir Dr Muhidin Arifin ialah Ketua Operasi Selangor Technical Skills Development Centre (STDC) Selangor



KERATAN AKHBAR

3 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pendaftaran Skim SADE dilanjutkan dua tahun mulai Januari 2022
Muka Surat	:	24

Pendaftaran Skim SADE dilanjutkan dua tahun mulai Januari 2022

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor melanjutkan pendaftaran Skim Air Darul Ehsan (SADE) selama dua tahun mulai Januari 2022.

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Izham Hashim berkata, ia berikutan jumlah pendaftar yang rendah iaitu sebanyak 287,181 penerima setakat Oktober lalu iaitu 46 peratus daripada jumlah 620,000 yang disasarkan oleh kerajaan negeri.

Menurutnya, penerima Skim SADE yang mendaftar e-bil adalah sebanyak 43 peratus iaitu 124,864 akaun daripada keseluruhan 287,181 akaun domestik menerima skim tersebut.

“Dulu kita buka pendaftaran pada



IZHAM

SIDANG DUN SELANGOR

b u l a n
tertentu,
kini kita

buka sepanjang tahun dan bila-bila masa.

“Disebabkan angka yang mendaftar tidak tinggi, jadi kita buat keputusan untuk melanjutkan Skim SADE mulai Januari 2022 selama dua tahun dan membuka pendaftaran sepanjang tahun.

“Promosi akan dilakukan secara berkala, kita juga libatkan Pejabat-pejabat Khidmat Rakyat seperti yang dilakukan sebelum ini dan hebah-an melalui media sosial juga akan diperluaskan,” katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada Khamis.



KERATAN AKHBAR
3 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bekas peluncur papan selaju kebangsaan ingin bina akademi
Muka Surat	:	30

Jumlah jualan papan selaju meningkat 70 peratus sejak PKP tahun lalu

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI

KUALA LUMPUR

Mula melibatkan diri dalam sukan luncur papan selaju (skateboard) sejak tahun 1989. Johary Fitry Khairuddin, 48, berasal daripada Ipoh atau lebih mesra dengan panggilan Joe Ipoh mengakui hidupnya sudah sebatih dengan sukan tersebut dan mengalir dalam darahnya hingga kini.

Dia mula berhijrah ke Kuala Lumpur memulakan hidup baharu pada tahun 1997 dan serius dalam dunia sukan luncur papan selaju pada tahun 1999. Malah banyak mewakili negara dalam acara luncur papan selaju

Antara kejohanan yang pernah disertai ialah X Games Asia di Phuket, Thailand (1999), Phillips X- Rage di Senayan, Jakarta (2001) dan X Games Asia di Kuala Lumpur (2004).

Beralih menjadi jurulatih

Walaupun masih bermain papan selaju sehingga kini, namun dia tidak lagi menyertai mana-mana pertandingan, sebaliknya melatih para atlet baharu untuk acara sukan tersebut.

"Saya menjadi pelatih untuk sukan luncur papan selaju setelah dilantik oleh pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada tahun 1999 untuk melatih atlet Malaysia.

"Saya berhenti memasuki mana-mana pertandingan dan fokus menjadi pelatih pada tahun

Bekas peluncur papan selaju kebangsaan ingin bina akademi



Johary Fitry menghimpunkan pelbagai jenama papan selaju antarabangsa, tempatan dan jenamanya sendiri.



Johary Fitry atau mesra dikenali sebagai Joe Ipoh merupakan bekas atlet skateboard yang pernah mewakili negara.

2012," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, Johary Fitry dalam diam menyimpan hasrat untuk membuka sebuah kedai menjual papan selaju, walaupun pada asalnya ia hanyalah sebuah angan-angan.

Namun rezeki tidak pernah salah alamat, ketika sering bermain papan selaju di Mont Kiara Skatepark, Bukit Kiara, dia didekati oleh rakannya yang mengesyorkannya untuk membuka kedai tersebut di sini.

"Pada Disember 2015 selepas saya berkahwin dengan isteri saya, Melissa Shanti, 36, rakan saya mengesyorkan untuk membuka sebuah kedai papan selaju di sini.

"Jadi dengan modal sebanyak RM5,000, saya buka kedai dan

mungkin ini rezeki saya selepas kahwin.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Belia dan Sukan Bukit Kiara, kerana memberikan saya ruang untuk berniaga di sini," katanya yang kini mempunyai dua orang anak perempuan.

Bisnes papan selaju

Bercerita soal perniagaannya yang kini sudah berusia enam tahun, kedai yang bertempat di Kompleks Sukan Bukit Kiara, di sini, menempatkan lebih 30 jenama papan selaju meliputi jenama antarabangsa, tempatan dan jenamanya sendiri iaitu *The G Hard*.

Selain menjual produk, kedai tersebut turut menyediakan servis penyelenggaraan papan selaju

dan kelas latihan yang dikendalikan oleh Johary Fitry sendiri memandangkan lokasi kedai berdekatan dengan tapak meluncur.

Dia berkata, perniagaan itu terus berkembang walaupun negara dilanda pandemik Covid-19 sejak tahun lalu, yang mana hasil jualan meningkat sebanyak 70 peratus.

Selain itu, ramai orang daripada pelbagai lingkungan usia mula berminat untuk bermain papan selaju, terutamanya golongan ibu bapa.

"Saya terkejut apabila hasil jualan papan selaju di kedai saya meningkat sebanyak 70 peratus sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu.

"Selain itu, saya juga menerima lebih daripada 500 orang yang ingin belajar bermain papan

selaju, namun kerana saya hanya membuka kelas pada hujung minggu, senarai menunggu menjadi lebih panjang.

"Antara faktor lain yang mempengaruhi jualan papan selaju di kedai saya ialah pendedahan sukan ini menerusi Sukan Olimpik Tokyo 2020," katanya.

Berkenaan soal perancangan perniagaan untuk masa depan, Johary Fitry berhasrat ingin membuka sebuah akademi khusus untuk sukan luncur papan selaju memandangkan bidang sukan tersebut mula diterima ramai.

Namun disebabkan agak sukar mencari lokasi strategik bagi merealisasikan impian itu, dia berhasrat memfokuskan perniagaan sedia ada di sini.

"Saya dah lama rancang perkara ini, saya juga mencari beberapa lokasi strategik seperti di Cyberjaya. Sepang namun ia kurang sesuai kerana tapak meluncur yang bagus perlu mempunyai kedai makan dan kedai papan selaju untuk menghidupkan suasana.

"Buat masa ini hanya ada akademi sukan lain seperti bola sepak, dan disebabkan bidang sukan luncur papan selaju wajar berkembang, saya rasa wajar sebuah akademi khas dibuka.

"Saya harap perniagaan ini terus berkembang kerana sukan ini menyihatkan badan, selain mampu menjadi cabang bidang lain seperti fotografi, fesyen dan seni," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
2 December 2021

Akhbar	:	HOT FM
Tajuk Berita	:	Sade Dilanjutkan Bagi Tempoh Dua Tahun Lagi
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
2 December 2021

Akhbar	:	Sinar FM
Tajuk Berita	:	Melanjutkan Skim Air Percuma
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 December 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Taliworks wins RM294mil water contract
Muka Surat	:	2

Taliworks wins RM294mil water contract

PETALING JAYA: Taliworks Corp Bhd has received a RM293.86mil contract to develop the first phase of the Sungai Rasau water treatment plant from Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.

In a filing with Bursa Malaysia yesterday, Taliworks said it had received the letter of award that included the proposed development of phase one of the project.

The scope of works comprised designing and building the new Bukit Lipat Kajang booster station, reservoirs and associated facilities including civil, structural and building, pumping plant mechanical works, electrical, instrumentation, controls and automation as well as building services.

Taliworks said the completion date for the project would be on Dec 31, 2024 or 36½ months from the date of the possession of the site, which is slated to be on Dec 15.

"The contract is expected to contribute positively to Taliworks group's earnings and net assets for the duration of the contract," the group said.

It was reported that there were nine bidders for the project that was called for tender by Air Selangor in May.

Under the first phase of the water treatment plant there will be three packages that could worth a total of RM4bil.

In a media briefing in June, Air Selangor said that the first phase involved the construction of a 700-million-litre-a-day treatment plant, while the second phase will double the capacity. The project is expected to be completed by 2024.

The treatment plant has the mandate to supply water to Kuala Lumpur, Selangor and Putrajaya.

The current water supply reserve margin in Klang will drop to 1.9% by 2024 without the Rasau Water Treatment plant, according to the Air Selangor website.

"The Sungai Selangor scheme, as a single source for raw water supply, poses a high risk," it added.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991




KERATAN AKHBAR		
3 December 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Trapped under landslide rubble
Muka Surat	:	3

Trapped under landslide rubble

Two bodies retrieved already, unknown number may still be trapped

Ongoing mission: Rescue members working hard to retrieve those trapped under the rubble. — RONNIE CHIN/The Star



Restless earth: The section of road obliterated by the landslide along the Simpang Pulai-Cameron Highlands route. (Inset) Victim Muhammad Hafiz.

By MANJIT KAUR
 manjit@thestar.com.my

IPOH: A rescue operation to reach those trapped under the rubble of a massive landslide in Simpang Pulai that buried two vehicles continued throughout the night.

As at press time, two bodies have been found – a 31-year-old lorry driver and a man from a luxury multi-purpose vehicle (MPV).

Rescuers pulled out the body from the MPV buried under the rubble of the landslide at KM34 of the Simpang Pulai-Blue Valley road leading to Cameron Highlands at

around 9.55pm.

The man, whose identity is unknown and believed to be in his 50s, was from Klang and believed to be travelling from Gua Musang to Penang.

Perak Fire and Rescue Department director Azmi Osman said the identity and age of the man had yet to be verified.

The body of the lorry driver, identified as Muhammad Hafiz Hamdi from Tanjung Piandang in Parit Buntar, was retrieved at around 10.50pm.

Police said they had yet to determine the number of people inside

the MPV.

Perak police chief Comm Datuk Mior Faridalathrash Wahid said checks with the lorry driver's employer confirmed that the man was transporting vegetables from Cameron Highlands to Ipoh.

He said the victim's employer had also confirmed that he was the only person in the lorry.

Police had received a distress call about the landslide at around 1.41pm.

Besides excavators brought in to clear the debris, a R9 unit has also been deployed.

"The rescue mission will be con-

tinued until all victims are found," said Comm Mior Faridalathrash.

A Perak Fire and Rescue Department spokesman said that at 8pm, the rescue team had managed to spot one of the tyres of the luxury MPV.

Motorists needing to go to Cameron Highlands have now been advised to use alternative roads as Jalan Simpang Pulai-Blue Valley is temporarily closed.

Perak infrastructure committee chairman Datuk Mohd Zolkafly Harun said initial reports indicated that the landslide was caused by continuous rainfall.

He said the Kinta Public Works Department (JKR) and the road's concessionaire Belati Wangsa Sdn Bhd were still inspecting the site.

"The affected area included a 100m stretch of the road that has cut off traffic from both sides.

"The stretch is not safe for motorists," he said, adding that the concessionaire and JKR were monitoring the situation.

Watch the video
